

[ARABESQUE- THE ISLAMIC ART DIAMOND]

ARABESQUE - PERMATA KESENIAN ISLAM

Mohd Zamri Mohamed Noor
m.zamri811@gmail.com (Corresponding Author)
The Institute of Islam Hadhari,
National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Ermy Azziaty Rozali
ermy@ukm.edu.my
Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,
Faculty of Islamic Studies & The Institute of Islam Hadhari,
National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Abstract

The Islamic carving pattern *Arabesque* is one of the core elements in Islamic art and has a close relationship with architecture. The word *arabesque* is associated with the Arabs in which it describes the style of the Arabs in decorating the interior and exterior decoration of building, carpet patterns, textiles and book covers. The word *arabesque* was derived from the Spanish language, *arabescus* or *rebesco* based on the Muslims' settlement in Spain. It has spread widely to societies of other countries around the Arabian Peninsular such as the Persians, Turkish, Indians and the Malays. The objective of this paper is to study the development of the Islamic carving pattern *arabesque* which features unique and high-quality design. The research methodology is based on library study by filtering information from secondary sources such as books, theses, articles, journals, websites, and others.

Keywords: *Islamic carving pattern, arabesque, architecture*

Abstrak

Seni ukiran Islam corak *arabesque* merupakan salah satu elemen teras dalam kesenian Islam dan mempunyai pertalian yang sangat rapat dengan seni bina. Perkataan *arabesque* dikaitkan dengan bangsa Arab di mana ia menggambarkan gaya orang-orang Arab dalam menampilkan seni hiasan pada dekorasi dalaman serta luaran sesebuah bangunan atau binaan, corak permaidani, tekstil serta hiasan kulit buku. Perkataan *arabesque* berasal daripada bahasa Sepanyol iaitu *arabescus* atau *rabesco* berdasarkan lokasi penempatan masyarakat Islam yang muncul di Sepanyol. Ia telah tersebar secara meluas ke dalam masyarakat di negara-negara sekitar Semenanjung Tanah Arab seperti Parsi, Turki, India dan seterusnya ke Kepulauan Melayu. Objektif penulisan ini adalah untuk mengkaji perkembangan seni ukiran Islam corak *arabesque* yang menampilkan reka bentuk yang unik dan bermutu tinggi. Metodologi penulisan adalah berdasarkan kepada kajian kepustakaan dengan menyaring maklumat-maklumat daripada sumber sekunder seperti buku, tesis, artikel, jurnal, laman sesawang dan lain-lain.

Kata Kunci: *seni ukiran Islam, arabesque, seni bina*

Article Received:
14 November 2020

Article Reviewed:
23 November 2020

Article Published:
30 November 2020

PENGENALAN

Kesenian terangkum padanya kepelbagaiannya bentuk dan jenis di mana pengaruh daripada unsur kesenian mencakupi setiap aspek kehidupan manusia. Ia meliputi penciptaan pelbagai perkara dan benda dalam menampilkan bentuk yang cantik dan indah yang seterusnya mampu memberikan kesan yang cukup mendalam dalam diri individu yang melihat, mendengar, merasai serta menghayati hasil ciptaan itu di samping dapat mententeramkan jiwa dan perasaan individu tersebut (*Ensiklopedi Indonesia*, 1986, 6). Contoh kategori kesenian adalah seperti seni sastera, seni tari, seni lagu, seni lukis, seni lakon atau drama, seni adat, seni pertukangan atau kraftangan, seni bina, seni permainan dan sebagainya (*Ensiklopedia Malaysiana*, 1995, 11). Seni ukiran merupakan salah satu komponen penting dalam seni bina kerana mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan reka bentuk dekorasi dalaman serta luaran sebuah bangunan atau binaan, corak permaidani, tekstil serta hiasan kulit buku yang dihasilkan.

Seni ukiran ditakrifkan sebagai seni pahatan yang merupakan hasil gabungan tangan yang indah, berelung-relung, saling jalin menjalin, berulang-ulang serta sambung menyambung yang akhirnya menghasilkan sebuah karya berbentuk hiasan. Ia turut merangkumi apa sahaja yang dipahat atau diukir dan yang dihasilkan melalui kemahiran dalam bidang pertukangan (*Chambers 21st Century Dictionary*, 1999). Secara jelasnya, ia terhasil daripada kerja mengukir dengan menggunakan alatan tajam seperti pisau, pahat dan sebagainya pada suatu permukaan seperti kayu, logam, kulit, gading, batu dan seumpamanya bagi menghasilkan suatu bentuk lakaran, lukisan atau gambaran sama ada berbentuk cengkung dan cembung atau tenggelam dan timbul (Teuku Iskandar, 2007). Kesenian dalam agama Islam pula mengetengahkan bentuk komposisi yang tersendiri yang berteraskan kepada karya seni ukiran corak *arabesque* di mana jalinan yang dihasilkan ada permulaan dan pengakhiran sebagaimana hakikat seorang hamba. Berbeza dengan Allah swt, yang tiada permulaan dan tiada pengakhiran (Murat & M. Arif, 2011). Hasilnya, kesenian Islam berjaya memaparkan kepelbagaiannya jenis dan bentuk yang sekaligus telah menjadikannya begitu unik dan bersifat tersendiri. Ia juga menjadi lambang kekayaan dan ketinggian mutu serta kualiti kesenian dalam agama Islam. Realiti ini dapat diperhatikan pada bangunan dan binaan yang dihasilkan sepanjang zaman bermula daripada era permulaan Islam, kepada zaman perkembangan Islam dan seterusnya zaman kegemilangan dan keunggulan ketamadunan Islam.

KONSEP SENI UKIRAN ISLAM

Karya seni ukiran Islam mempunyai pendekatan yang berbeza dengan reka bentuk karya seni ukiran yang terdapat dalam tamadun lain dalam sejarah peradaban dunia. Ini kerana agama Islam telah menggariskan ketetapan bahawa aspek agama memainkan peranan yang penting dalam menentukan dasar dan teras bagi penghasilan sesuatu unsur dalam kesenian Islam. Kesenian daripada perspektif agama Islam menekankan kepada persoalan akidah yang diintegrasikan dengan aspek akhlak dan syariat (Idris, 2012). Ianya bertepatan dengan pernyataan oleh Ismail Raji al-Faruqi yang menegaskan bahawa, penciptaan sesuatu hasil seni ukiran dalam agama Islam adalah berteraskan pada kepercayaan kepada Allah swt. Ini kerana karya seni ukiran yang dihasilkan bertujuan untuk memperkuuhkan lagi keyakinan manusia terhadap kewujudan serta kekuasaan Allah swt. Ini menjadikan setiap karya seni ukiran yang dihasilkan melalui proses ketekunan, kesabaran dan ketelitian mampu membangkitkan rasa kehambaan diri manusia kepada Allah swt di samping mengeratkan lagi hubungan sesama manusia. (Makmur & M. Bukhari, 2014; Farida, 2014). Realiti ini bertepatan dengan pernyataan yang menyebut,

Islamic art is fundamentally derived from tawhid, that is from an assent to or contemplation of Divine Unity. The essence of at-tawhid is beyond words; it reveals itself in the Koran by sudden and discontinuous flashes. Striking the plane of visual imagination, these flashes congeal into crystalline forms (Beg, 1980).

Agama Islam turut menegaskan bahawa setiap karya seni ukiran yang dihasilkan mampu menonjolkan nilai murni dan akhlak mulia yang berteraskan kepada syariat Islam di samping sifat berkecuali (*neutral*) yang perlu ditonjolkan dalam setiap penciptaan di mana ianya bebas daripada unsur-unsur yang bersifat negatif. Ini adalah kerana, tujuan utama dalam penghasilan sesuatu karya seni ukiran pada perspektif Islam adalah untuk membangkitkan perasaan damai dan harmoni dalam diri seseorang pengkarya seni di samping merendahkan diri kepada Allah SWT. Rentetan daripada itu, agama Islam telah mengharamkan penciptaan seni ukiran yang berteraskan kepada unsur makhluk bernyawa. Bentuk sebegini walaupun tidak bernyawa namun tetap diharamkan kerana mempunyai perkaitan yang jelas dengan aktiviti penyembahan berhala serta mempunyai unsur-unsur yang boleh membawa kepada unsur syirik dan menyengutukan Allah SWT. (Siti Hawa, 2007; Abdul Ghani, 2009). Antara hadis Rasulullah SAW yang membicarakan tentang perkara tersebut adalah sebagaimana berikut,

حَدَّثَنَا الْحَمَيْدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ عَنْ مُسْلِمٍ قَالَ كُنَّا مَعَ مَسْرُوقَ فِي دَارِ
يَسَارٍ بْنِ نُعْمَانَ فِي صُفْتِهِ تَمَاثِيلَ فَقَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَقُولُ إِنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَذَابًا عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْمُصَوَّرُونَ

Maksudnya:

al-Humaydi telah memberitahukan kepada kami, ia (al-Humaydi) berkata, Sufyan telah memberitahukan kepada kami, ia (Sufyan) berkata, A'mash telah memberitahukan kepada kami dari Muslim, ia berkata, kami bersama Masruq di rumah Yasar ibn Numayr, maka melihat patung-patung di serambinya, dia berkata, aku mendengar 'Abd Allah berkata, aku mendengar Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya manusia paling keras siksaannya pada hari kiamat adalah orang-orang yang membuat gambar (Yuliani, 2016).

Kesannya, lahirlah seni ukiran Islam corak *arabesque* khususnya pada penghasilan karya seni ukiran dengan motif tabi'i unsur fauna atau makhluk hidup yang diabstrakkan sebagaimana pandangan oleh Ismail Raji al-Faruqi tentang seni Islam (Farida, 2014). Ia seterusnya membawa kepada tujuan dalam penulisan ini iaitu untuk menerangkan berkaitan jenis-jenis seni ukiran Islam corak *arabesque* hingga ianya boleh dianggap sebagai permata kesenian Islam. Penulisan ini diharap mampu untuk memberikan penjelasan kepada masyarakat umum tentang corak ini yang merupakan suatu bentuk warisan dalam kesenian Islam bagi tatapan generasi yang akan datang.

SENI UKIRAN ISLAM CORAK ARABESQUE

Seni ukiran Islam corak *arabesque* diterjemahkan sebagai suatu bentuk yang rumit di mana ianya telah direka sebagai penyelesaian bagi menggambarkan perkara-perkara yang mempunyai nilai keindahan dan estetika yang merangkumi beraneka bentuk karya seni ukiran yang meliputi reka bentuk yang menerapkan motif geometri, motif unsur kosmos, motif jalinan tulisan kaligrafi Arab dan motif tabi'i unsur flora dan fauna (Diah &

Faqih, 2012; Singh, 2017). Corak sebegini bukan sahaja bertujuan untuk menampilkan nilai keindahan semata-mata, bahkan turut menonjolkan intipati ilmu yang tersirat di sebalik kecantikan serta keindahan rekabentuk karya seni ukiran yang dihasilkan. Seni ukiran Islam dengan corak ini terangkum padanya pelbagai cabang ilmu pengetahuan yang saling berkait antara satu sama lain, antaranya ialah ilmu falsafah, matematik, sejarah dan sains. Sebagai contoh, seni ukiran corak *arabesque* yang menampilkan motif tabi'i unsur flora yang saling bertautan antara satu sama lain bermula daripada akar hingga ke hujungnya menampilkan suatu aturan hidup makhluk ciptaan Allah SWT. Buktinya dapat dilihat apabila semua makhluk yang hidup di muka bumi ini mempunyai permulaan dan pengakhiran bagi setiap kitaran kehidupan mereka. Sebagaimana rantaian hidup bagi makhluk di muka bumi ini, jalinan antara batang dan daun yang dilihat pada seni ukiran Islam corak *arabesque* dengan motif tabi'i unsur flora adalah saling bertaut melambangkan bahawa setiap makhluk perlu saling bergantung antara satu sama lain untuk meneruskan kehidupan agar kehidupan sehari-hari mereka menjadi aman dan harmoni (Joc, 2013).


Seni ukiran Islam corak *arabesque* dengan motif geometri yang merupakan jalinan (*interlacing*) corak dengan motif geometri yang berkembang bertindan lapis secara seimbang tanpa terputus di dalam irama yang harmonis turut menerapkan ilmu matematik di samping nilai estetika yang ditonjolkan pada hasil karya tersebut. Seni ukiran dengan motif geometri ini turut berkait rapat dengan motif unsur kosmos yang menampilkan unsur alam semulajadi kerana reka bentuknya yang mirip dan cara penghasilannya pada medium ukiran menggunakan teknik yang sama. Bentuk-bentuk poligon yang berbucubucu di samping motif unsur kosmos seperti bulan, bintang dan matahari digarap dengan reka bentuk yang harmoni bagi menghasilkan sebuah karya seni yang indah dan ianya diterjemahkan pada pelbagai bahan seperti logam, kayu, tembikar dan sulaman pada permaidani serta kulit kijang (Murat & M. Arif, 2011).

Jenis seni ukiran Islam corak *arabesque* yang turut dimuatkan dalam kategori motif geometri ini ialah bentuk *muqarnas* atau lengkungan sarang lebah yang dihasilkan sebagai hiasan dalaman sesebuah kubah di masjid serta gerbang pintu masuk utama sesebuah bangunan dan binaan dalam sejarah perkembangan tamadun Islam. Tidak diketahui di mana dan bilakah bentuk *muqarnas* ini mula diperkenalkan namun, penggunaannya adalah begitu meluas pada zaman pemerintahan Moor di Afrika Utara dan Sepanyol khususnya pada bangunan Istana Alhambra atau Qal'at al-Hamra' di Granada. Istana yang turut dikenali sebagai The Red Fort ini mula dibinakan pada kurun ke-14M oleh Sultan Muhammad ibn al-Ahmar I dan ia sentiasa ditambah serta diperluaskan pada era pemerintahan seterusnya (Ashraf, 2006). Bahagian bawah kubah dan kerawang pada tiang-tiang yang menghiasi istana ini dihiasi dengan bentuk ukiran ini menampilkan keunikan bagi istana yang dianggap antara yang tercantik dalam sejarah perkembangan tamadun umat Islam sepanjang zaman. Corak hiasan sebegini turut digunakan bagi menghiasi bahagian mimbar Masjid Sheikh Lotf Allah di Isfahan yang siap pembinaannya pada tahun 1618M (Joc, 2013). Karya seni ukiran sebegini cukup berharga di mana jalinan yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada kreativiti dan imaginasi yang tidak terbatas yang seterusnya membawa para pengkarya seni dari alam biasa ke alam estetika (al-Faruqi, 1981).




ILUSTRASI 1. Seni Ukiran Islam Corak Arabesque Motif Geometri

Sumber: Ros Mahwati et al., 2018



ILUSTRASI 2. Seni Ukiran Islam Corak Arabesque Motif Unsur Kosmos (Matahari).

Sumber: Ashraf, 2018



ILUSTRASI 3. Seni Ukiran Islam Corak Arabesque Motif Geometri Bentuk Muqarnas.

Sumber: Yulia, 2010

Motif jalinan tulisan kaligrafi Arab turut diklasifikasikan dalam kategori seni ukiran Islam corak *arabesque* (Masmedia, 2012). Reka bentuk tulisan khat yang dihasilkan dengan corak jalinan dan bentuk yang unik berdasarkan kepada daya imaginasi yang tidak terbatas hasil kreativiti penciptanya. Ia seterusnya membawa siapa sahaja yang melihat dan menghayatinya dari alam biasa ke alam estetika dilihat selari dengan takrifan corak *arabesque* itu sendiri iaitu; “*This limitless, rhythmical alternation of movement, conveyed by the reciprocal repetition of curved lines, produces a design that is balanced and free form tension*” (Diah & M. Faqih, 2012). Seni ukiran dengan motif tulisan kaligrafi Arab ini merupakan suatu bidang kesenian yang sangat diminati oleh umat Islam di mana keindahan yang dipaparkan pada tulisan khat secara khususnya dan seni ukiran Islam secara amnya telah diabadikan sebagai hiasan pada bangunan dan binaan, seramik, kaca, ukiran kayu, ukiran logam dan sebagainya. Ia juga telah dianggap sebagai salah satu bidang yang mencapai pencapaian tertinggi dalam kesenian Islam kerana ia bukan sahaja dihasilkan oleh ahli khat dalam kalangan bangsa Arab, tetapi juga oleh pelbagai

bangsa di seluruh dunia seperti Parsi, Turki, India, Afrika, Melayu dan sebagainya. Ayat-ayat suci al-Quran menjadi teras dan sumber inspirasi penciptaan corak *arabesque* dengan motif ini dan ianya terdapat dalam pelbagai bentuk merangkumi gaya *Nasakh*, *Thuluth*, *Rihan*, *Diwani Jali*, *Diwani*, *Ta'liq Farisi*, *Koufi* dan *Riq'ah* (Oloan, 1993).



ILUSTRASI 4. Seni Ukiran Islam Corak *Arabesque* Motif Jalinan Kaligrafi Arab

Sumber: Ashraf B., 2018

Di samping itu, seni ukiran Islam corak *arabesque* dengan motif tabi'i unsur flora pula menampilkan komponen-komponen utama pada tumbuhan seperti daun, akar, bunga dan sebagainya yang bersifat menjalar maju ke hadapan yang mengulangi pergerakan ke belakang, berlengkar dan kembali bergerak maju ke hadapan (*foliate*). Corak yang dipercayai berasal daripada model seni ukiran tamadun Mesir, Greek, Rom dan Parsi ini telah melalui pelbagai evolusi pada kurun ke-8 dan kurun ke-9M apabila corak ini digunakan secara meluas hingga berjaya melangkau etnografi serta sempadan geografi masyarakat di dunia merangkumi bahagian utara Afrika ke Samarkand dan dari utara Anatolia ke Yaman. Reka bentuk yang dipaparkan pada seni ukiran Islam dengan corak ini dilihat menyamai corak ukiran era Renaissance yang dikenali sebagai *volutenkelch* atau *blattfachern* yang merupakan corak hiasan yang menggunakan elemen floral atau tumbuh-tumbuhan seperti pohon bunga lili, bunga rosette dan kelopak bunga-bungaan dimana ia turut menekankan kepada hiasan dengan bentuk jalinan yang mempunyai lengkuk-lengkuk bermula dari akar pokok kepada bahagian batang, daun dan bunga yang disusun dengan bentuk yang sangat bergaya (Joc, 2013). Contoh bangunan yang menampilkan seni ukiran Islam corak *arabesque* dengan bentuk jalinan motif tabi'i ini ialah pada hiasan dinding dan kubah Masjid Shah di Isfahan pada zaman pemerintahan Shah 'Abbas I. Hiasan corak ini telah diukir dengan reka bentuk yang sangat harmoni dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri (Murat & M. Arif, 2011).



ILUSTRASI 5. Seni Ukiran Islam Corak *Arabesque* Motif Tabi'i Unsur Flora

Sumber: Ashraf, 2018

Seni ukiran Islam corak *arabesque* dengan motif tabi'i unsur fauna atau makhluk hidup yang diabstrakkan pula dilihat sangat unik serta mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri. Realiti ini selari dengan konsep penghasilan karya seni dalam agama Islam yang mengharamkan reka bentuk karya seni ukiran yang berteraskan kepada elemen makhluk bernyawa kerana dikaitkan dengan unsur penyembahan dalam zaman Jahiliyyah


(Amirah, 2007). Realiti ini bertitik tolak daripada hadis Nabi SAW yang menekankan tentang aspek pengharaman tersebut sebagaimana berikut,

فَقَالَ أَبْنُ عَمَّاِيْ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: (مَنْ صَوَرَ صُورَةً فِي الدُّنْيَا كُلُّهُ أَنْ يَتَعَظَّمَ فِيهَا الرُّوحُ يَوْمَ الْحِيَاةِ، وَلَيْسَ يَنْفَعُ

Maksudnya:

Berkatalah Ibn ‘Abbas, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Barang siapa yang membuat patung atau gambar di dunia, maka di hari kemudian dia akan dituntut untuk meniupkan roh pada gambar tersebut. Padahal dia tidak dapat meniupkannya” (Hadis riwayat Bukhari & Muslim) (Yuliani, 2016).

Hasilnya lahirlah karya seni ukiran yang menampilkan motif tabi’i unsur fauna atau makhluk hidup yang diabstrakkan dan ianya dapat diperhatikan di sekitar alam Melayu pada hiasan bangunan serta binaan, seramik, tekstil dan sebagainya.



ILUSTRASI 6. Seni Ukiran Islam Corak *Arabesque* Motif Tabi’i Unsur Fauna atau Makhluk Hidup yang Diabstrakkan

Sumber: Mohammad Nazzri, 2016

Seni ukiran Islam corak *arabesque* turut menampilkan gabungan di antara reka bentuk yang menerapkan motif geometri, motif unsur kosmos, motif jalinan tulisan kaligrafi Arab dan motif tabi’i unsur flora yang dikenali sebagai bentuk *zukhruf* dan merupakan suatu reka bentuk yang indah, cantik serta bermutu tinggi. Ianya terhasil berdasarkan kepada kreativiti pengukirnya hingga menjadikannya begitu unik serta mampu menimbulkan rasa kagum bagi sesiapa sahaja yang memandangnya. Jelasnya, gabungan antara beberapa motif seni ukiran corak *arabesque* ini mampu menghasilkan suatu bentuk ukiran baharu yang lebih rumit daripada aspek reka bentuknya (Joc, 2013). Contoh bangunan yang telah menampilkan gabungan antara bentuk-bentuk seni ukiran Islam ini ialah seperti yang terdapat pada Masjid Ahmad ibn Tulun di al-Qahirah yang siap pembinaannya pada tahun 879M. Perkara yang sama juga boleh dilihat pada struktur binaan Masjid Shaykh Lutf Allah di Isfahan yang dibina antara tahun 1602 hingga 1608M oleh Shah ‘Abbas, pemerintah Kerajaan Safawiyyah di Parsi (Sandler, 1976).



ILUSTRASI 7. Seni Ukiran Islam Corak *Arabesque* Motif Jalinan Kaligrafi Arab Bentuk *Zukhruf*

Sumber: Azlan Abd Karim et.al., 2003

Dapatan daripada penulisan yang telah dilakukan ini dapatlah dirumuskan bahawa, kesenian Islam mempunyai pelbagai cabang seni yang indah dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri sebagaimana yang terdapat pada seni ukiran Islam corak *arabesque*. Ianya bukan sahaja mampu melahirkan perasaan kagum dalam diri sesiapa sahaja yang menghayatinya bahkan penghasilan karyanya dilihat lebih harmonis dan bertunjangkan kepada pengabdian diri hamba kepada Allah SWT. Ia menjadi bukti bahawa agama Islam memandang serius kepada setiap karya seni ukiran yang dihasilkan oleh para pengkarya di samping menjadi bukti tentang kekuasaan serta keesaan Allah SWT.

KESIMPULAN

Kesenian Islam merupakan satu bentuk kesenian yang menjadikan sesuatu itu mulia. Ia merupakan suatu proses pembersihan jiwa kerana melalui tulisan ayat-ayat suci al-Qur'an dan reka bentuk hiasan yang ditonjolkan dapat membawa seseorang dari alam realiti ke alam estetika, di mana jiwa seorang pengkarya akan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT. Begitu juga halnya dengan masyarakat yang merenung dan menghayati hasil karya tersebut dalam menikmati keindahan ciptaan bagi menguatkan lagi rasa cinta dan taat kepada Allah swt. Seni ukiran Islam khususnya penghasilan karya seni ukiran corak *arabesque* dilihat sebagai suatu bentuk keindahan yang dihasilkan melalui kemahiran dalam bidang pembinaan dan pertukangan yang melibatkan aspek-aspek berkait dengan reka bentuk sesebuah bangunan atau binaan dalam sejarah ketamadunan umat Islam. Realiti ini menjadikan seni ukiran Islam berbeza dengan seni ukiran masyarakat lain di dunia ini kerana di samping penekanan yang ditetapkan oleh agama Islam dalam mengharamkan semua bentuk hasil ukiran yang berunsurkan sebarang bentuk makhluk bernyawa, ia juga turut memaparkan kepelbagai jenis dan bentuk yang sekaligus telah menjadikan kesenian Islam itu unik dan dalam kelasnya yang tersendiri. Ia menjadi lambang kekayaan dan ketinggian mutu serta kualiti seni ukiran Islam. Kejayaan dan kegemilangan seni ukiran Islam telah berjaya memartabatkan keunggulan tamadun Islam pada kaca mata seluruh umat manusia sepanjang zaman di semua dimensi. Ringkasnya, seni ukiran Islam bukan semata-mata untuk memenuhi kewujudan seni untuk seni atau sebagai pantulan rasa indah sahaja, tetapi ianya turut memberikan kesan yang lebih mendalam dalam usaha untuk mendekatkan diri hamba kepada Allah SWT.

RUJUKAN

Abdul Ghani Azmi Idris. (2009). *Himpunan Hadith-Hadith Shahih*. Jil. 2. Cet. 7. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.

- Amirah Abas. (2016). Aplikasi Seni Ukiran Melayu dalam Seni Bina Surau Kayu di Besut, Terengganu. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Seni) tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Ashraf, S. (2006). *Arts in Islamic Civilization*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Azlan Abdul Karim, Alias Kamarudin, Nurhuda Abdul Jamal, Mohd Kaswan Abdul Rahim, Mohamad Ayob, Shahrom Ramly & Faris Thamtil Mansoor (pnyt.). (2003). *Jambatan-Jambatan di Putrajaya*. Putrajaya: Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.
- Bagheripoor, Ashraf. (2018). Aesthetic Manifestation of Designs & Ornaments in Islamic Tile-Work Styles. *International Journal of Arts*. 8(3).
- Beg, Muhammad Abdul Jabbar. (1980). *The Image of Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.
- Cetin, Murat & Kamal, M. Arif. (2011). The Emergence and Evolution of Arabesque as a Multicultural Stylistic Fusion in Islamic Art: The Case of Turkish Architecture. *Jurnal of Islamic Architecture*. 1(4).
- Chambers 21st Century Dictionary. (1999). Edinburgh: Chambers Harrap Publishers Ltd.
- Ensiklopedi Indonesia. (1986). Jil. 5. Jakarta: Penerbitan Buku Ichtiaar Bary-Van Hoeve.
- Ensiklopedia Malaysiana. (1995). Jil. 11. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd.
- Farida, Umma. (2014). Pemikiran Ismail Raji al-Faruqi tentang Tauhid, Sains dan Seni. *Fikrah*. 2(2).
- al-Faruqi, Isma'il Raji. (1981). Islam and Architecture. Dlm. Beg, M.A.J. (pnyt.). *Fine Arts in Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.
- Idris Zakaria. (2012). Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari*. Special Edition.
- Joc, Una. (2013). Arabesque. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, The Royal College of Art, London.
- Makmur & Muhammad Bukhari Lubis. (2014). Corak Seni Khat Ukir Nusantara: Penulisan Perbandingan Karya Ukiran Kayu Terengganu (Malaysia) dan Jepara (Indonesia). *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. 2.
- Mohammad Nazzri Ahmad. (2016). *Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu*. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Najichah, Iffa Yuliani Ainun. (2016). *Pemahaman Hadis tentang Gambar*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Universitas Islam Negeri Walisongo, Semarang.
- Oloan, Situmorang. 1993. *Seni Rupa Islam-Pertumbuhan dan Perkembangannya*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Pancawaty, Taty Diah & Faqih, Muhammad. (2012). Islamic Center Tema: Arabesque. *Jurnal Sains dan Seni Pomits*. 1(1).
- Pinem, Masmedia. (2012). Ekspresi Seni dalam Islam - Kajian atas Pemikiran Ismail Raji al-Faruqi. *Suhuf*. 5(2), 271-287.
- Putrie, Yulia Eka. (2010). Muqarnas: Ungkapan Keagungan Nilai Islam dalam Karya Arsitektur. *el-Harakah*. 12(3).
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Mohammad Anis Abdul Samad & Siti Norbaya Mat Yacob. (2018). Analisis Simetri Rekaan Corak Kelarai Anyaman Tikar di Alam Melayu. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. 31(1).
- Sandler, R. (1976). Islamic Art: Variations on Themes of Arabesque. Dlm. Savory, R.M. (pnyt.). *Introduction to Islamic Civilization*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Singh, Pooja. 2017. Existance of Arabesque in Islamic Architecture. *International Journal of Scientific and Research Publications*. 7(6).
- Siti Hawa Abdul Samat. (2007). *Pengaplikasian Corak Tradisional Ukiran Kayu Melayu ke dalam Seni Seramik Kontemporeri*. Tesis Sarjanamuda Seni Gunaan (Seni Halus) tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Sarawak.
- Teuku Iskandar. (2007). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.